

01 JUN 2000

Mahathir-Go Kart

KERAJAAN SEDIA TAMBAH KEMUDAHAN UNTUK GO KART JIKA RAKYAT TUNJUK MINAT

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Kerajaan sanggup menyediakan lebih banyak kemudahan untuk sukan Go Kart sekiranya rakyat negara ini menunjukkan minat terhadap sukan bermotor itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga sedia mengeluarkan belanja bagi pembinaan litar di setiap negeri sekiranya ada permintaan daripada kerajaan negeri mahupun peminat sukan berkenaan.

Katanya negara mempunyai litar Go Kart yang mencukupi seperti di litar F1 Sepang, Langkawi dan beberapa tempat lain.

"Bagaimanapun kerajaan sanggup membinanya di tempat lain sekiranya ada kesungguhan dan minat rakyat negara ini malahan sukan ini boleh juga diselaraskan dengan aktiviti rakan muda," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan Piala Asean Kart Prix 2000 di sini hari ini.

Pada majlis itu Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Bhd Tan Sri Mohamed Saleh Sulong bagi pihak penaja utama EON menyerahkan piala kepada Dr Mahathir untuk disampaikan kepada penganjur.

Kejohanan itu akan berlangsung selama dua hari mulai Sabtu ini di Litar Kart Antarabangsa MORAC di sini.

Kejohanan itu dianjurkan oleh Mofaz Motorsports, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Langkawi Motorsports Club.

Dr Mahathir berkata pertandingan Go Kart di negara ini telah meningkat prestasinya dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Katanya semakin lama semakin jelas sukan itu mula diminati.

"Minat yang ditunjukkan oleh pelumba tempatan amat baik bagi sukan pemotoran kerana kebanyakan pemandu F1 bermula dengan Go Kart... mungkin satu hari nanti kita ada pemandu F1. Siapa juga boleh kalau ada minat," katanya.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri menyaksikan upacara menandatangani perjanjian persefahaman antara Asia Pacific Holidays dari Sweden dengan Kumpulan Mofaz.

Mengikut perjanjian itu, Asia Pacific Holidays akan menguruskan kemasukan pelancong dari negara-negara Scandinavia ke Langkawi mulai hujung tahun ini.

Syarikat itu akan menyediakan empat penerbangan sewa khas seminggu menggunakan pesawat Airbus A340.

Dianggarkan 70,000 pelancong dapat dibawa melawat Langkawi setiap tahun melalui cara itu.

Asia Pacific Holidays diwakili pengarah urusannya Jimmy Nilson sementara Mofaz diwakili presidennya Mohamed Fauzi Abdul Hamid.

-- BERNAMA

MZM/NH RON